

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN  
HAJI OMAR [ POKOK SENA ]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah asas kes kematian arwah Adib ditutup seperti yang dinyatakan oleh YB Datuk Zuraida Kamarudin, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dalam kenyataannya pada media bertarikh 25 September 2021.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan berhubung kematian Muhammad Adib bin Mohd Kassim diteruskan oleh pihak Polis Diraja Malaysia lanjutan daripada keputusan Koroner dalam prosiding inkues yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun, sehingga kini pelaku yang menyebabkan kematian Muhammad Adib masih belum dapat dikenal pasti. Bahkan, inkues yang dijalankan juga tidak dapat mengenal pasti pelaku yang menyebabkan kematiannya. Justeru, tiada sebarang pendakwaan yang diputuskan setakat ini.

Kerajaan tidak mengambil sikap berputus asa dan masih berusaha untuk mengenal pasti pelaku yang menyebabkan kematian Almarhum Muhammad Adib. Untuk tujuan itu, semasa mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 8 Oktober 2021, dipersetujui oleh Jemaah Menteri bahawa satu Jawatankuasa Khas hendaklah ditubuhkan bagi membantu pihak polis dalam mengenal pasti pelaku yang menyebabkan kematian anggota bomba itu.

YAB Perdana Menteri menyatakan bahawa jawatankuasa itu akan dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan turut dianggotai oleh Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Sri Hamzah bin Zainuddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican serta Peguam Negara, YBhg. Tan Sri Idrus bin Harun.

Jawatankuasa itu akan mengemukakan dapatan dan syor kepada mesyuarat Jemaah Menteri dalam tempoh enam bulan sebagaimana keputusan Jemaah Menteri pada 29 Oktober 2021. Sekian, terima kasih.